

Pupuk Jiwa UPSI Demi Kegemilangan 2026

Tanjong Malim 28 Januari - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) beriltizam memperkukuh pembangunan insan berteraskan nilai jiwa sebagai tunjang utama mencapai kegemilangan tahun 2026 selari dengan pengiktirafan universiti di kelompok 101-125 terbaik dunia dalam bidang pendidikan bagi Times Higher Education (THE) World University Rankings 2026.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Md Amin Md Taff berkata kejayaan yang diraih bukan sekadar pencapaian akademik dan penyelidikan, sebaliknya didorong oleh pembinaan jiwa UPSI yang menyeluruh membabitkan Jiwa Ketakwaan, Jiwa Keinsanan, Jiwa Kekeluargaan, Jiwa Kecemerlangan serta Jiwa Pendidik bagi memenuhi aspirasi BITARA di kalangan warga universiti.

Katanya semua aspirasi BITARA itu bertujuan membentuk penghayatan Jiwa UPSI yang diterjemahkan melalui pelbagai program kebajikan, kesejahteraan, kerohanian serta pembangunan profesional warga universiti.

"Pencapaian global UPSI hari ini adalah hasil keseimbangan antara prestasi dan jiwa yang bukan sahaja diukur melalui ranking, malah bagaimana nilai kemanusiaan, adab dan akhlak menjadi nadi kepada setiap inisiatif yang digerakkan," katanya ketika menyampaikan amanat sempena Aspirasi Bitara 3.0 @ Jiwa UPSI, di Dewan Tuanku Canselor, Kampus Sultan Azlan Shah, yang dihadiri lebih 3,000 warga UPSI semalam. Beliau berkata kerangka BITARA yang merangkumi Bakat Unggul, Inovasi dan Penyelidikan, Transformasi Digital, Adab dan Akhlak, Revolusi Ekosistem serta Adaptasi Global menjadi pemacu strategik UPSI dalam memperkukuh daya saing universiti di peringkat nasional dan antarabangsa menjelang 2026. Di bawah teras Bakat Unggul, UPSI memperkenalkan tujuh inisiatif utama termasuk pembangunan Model Warga UPSI yang berteraskan nilai budiman dan inovatif, pelaksanaan Leadership Summit@Oxford University, penambahbaikan sistem pengambilan staf, pelaksanaan Expert@UPSI 2.0, Smart Campus 2.0 serta sistem kenaikan pangkat menerusi i-Promote Fasa 2. Beliau berkata teras Adab dan Akhlak pula menjadi elemen

penting pembentukan Jiwa UPSI dengan pelaksanaan 10 inisiatif termasuk 5 Minutes Adab Talk, PLKN 3.0, Dapur Siswa MADANI, Mahasiswa Prihatin, Student Well-Being Index (STIDEX) serta pelaksanaan "Counselor on Wheel" bagi menyokong kesejahteraan pelajar secara menyeluruh.

"Semua inisiatif ini disatukan dengan nilai jiwa supaya warga UPSI bukan sahaja cemerlang dari sudut intelek, malah berakhlak, beradab dan berperanan sebagai ejen perubahan masyarakat.

Mengulas Revolusi Ekosistem, beliau berkata UPSI sedang melaksanakan 27 inisiatif berskala besar termasuk penajaan pendapatan universiti, projek penjimatan tenaga solar, pembangunan kampus baharu, pusat komuniti dan kediaman pelajar, infrastruktur latihan berprestasi tinggi serta inisiatif kampus rendah karbon menjelang 2030.

Selain itu, teras Adaptasi Global turut diperkasakan melalui sembilan inisiatif antaranya sasaran 2,200 pelajar antarabangsa, penganjuran Global Educator Award 2026 melibatkan 100 negara, pelaksanaan program pendidikan fleksibel dan peluasan bilik darjah global.

"Jiwa UPSI adalah roh kepada setiap dasar dan pencapaian universiti. Inilah kekuatan sebenar UPSI dalam melahirkan graduan pendidik dan warga universiti yang seimbang, berdaya saing serta relevan dengan tuntutan global," katanya.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



UPSI perkukuh pembinaan jiwa pendidik melalui Galeri Razak Sensei

Tanjong Malim, 30 Januari - Usaha Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) memupuk jiwa warganya demi kegemilangan 2026 diterjemahkan menerusi penubuhan Galeri Razak Sensei di bawah kelolaan Muzium Pendidikan Nasional (MPN), Institut Peradaban Melayu (IPM), sebagai inisiatif berteraskan nilai, sejarah dan kemanusiaan sejagat dalam pembinaan jiwa pendidik merentas generasi.

Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff berkata pembinaan jiwa pendidik merupakan asas kepada kelestarian universiti pendidikan itu menjelang 2026, sejajar dengan aspirasi melahirkan graduan yang bukan sahaja berpengetahuan, malah beretika dan berteraskan nilai kemanusiaan. "UPSI tidak hanya melahirkan graduan berpengetahuan, tetapi pendidik yang berjiwa, beretika dan berteraskan nilai kemanusiaan sejagat.

"Inisiatif seperti MPN dan Galeri Razak Sensei mencerminkan

komitmen UPSI terhadap pendidikan berkualiti, keamanan dan kemanusiaan, selari dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), khususnya SDG 4 (Pendidikan Berkualiti), SDG 16 (Keamanan, Keadilan dan Institusi Kukuh) serta SDG 17 (Perkongsian untuk Matlamat. Menurut Md Amin, salah satu inisiatif utama MPN ialah penubuhan Galeri Razak Sensei yang dijadualkan dibuka kepada umum pada Mac 2026 sebagai pameran memorial dan pendidikan yang mengangkat ketokohan Allahyarham Razak Sensei sebagai pendidik unggul, selain simbol ketahanan jiwa, kelestarian ilmu dan kemanusiaan sejagat.

Razak Sensei merupakan antara pelajar awal Sultan Idris Training College (SITC), institusi yang menjadi asas penubuhan UPSI, selain dikenali sebagai mangsa terselamat tragedi bom atom Hiroshima, satu peristiwa kemanusiaan yang membentuk keteguhan jiwa serta komitmen mendalam beliau terhadap keamanan dunia dan pendidikan sebagai medium pemulihan pascakonflik.

Buku Terbitan Penerbit UPSI, Worldview dan Hegemoni Sastera Melayu Menang Anugerah Khas ASEAN International Book Award (AIBA) di Melaka

Melaka, 29 Januari - Buku Worldview dan Hegemoni Sastera Melayu terbitan Penerbit UPSI sekali lagi menerima pengiktirafan di peringkat antarabangsa apabila berjaya memenangi Anugerah Khas ASEAN International Book Award (AIBA) Kategori Buku Sastera Terbaik, di Hotel Ames, Ayer Keroh, Melaka.

Majlis berprestij itu telah dirasmikan oleh Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia Dr. Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang Di-Pertua Negeri Melaka, dan dihadiri oleh tokoh akademik, penulis, rakan strategik serta wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dari seluruh negara. Pengarah Pejabat Karang Mengarang (PKM), Prof.

Madya Dr. Nordiana Hamzah, berkata pengiktirafan terhadap buku tersebut membuktikan keupayaan penerbitan universiti dalam mengangkat karya ilmiah sastera dan pemikiran Melayu ke peringkat global, sekali gus mengukuhkan kedudukan UPSI sebagai institusi yang semakin mendapat perhatian di persada antarabangsa.

"Pengiktirafan terhadap buku Worldview dan Hegemoni Sastera Melayu menunjukkan bahawa penerbitan ilmiah berteraskan sastera dan pemikiran Melayu masih relevan, kritikal dan berdaya saing dalam membentuk wacana intelektual negara," katanya.



UPSI terus cemerlang, capai kedudukan 101-125 dunia bidang pendidikan

Tanjong Malim, 30 Januari - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terus mengukir kecemerlangan di pentas dunia selepas disenaraikan dalam penarafan 'The World University Rankings 2026 : Education Studies' di kedudukan 101-125 .

Naib Canselor UPSI, Profesor Datuk Dr Md Amin Md Taff berkata, berdasarkan laporan terkini, UPSI berada di kedudukan 101 hingga 125 berbanding sebelum ini di kedudukan 126 hingga 150.

Menurutnya, kejayaan tersebut adalah hasil usaha seluruh warga UPSI yang bekerja keras demi meningkatkan kualiti penyelidikan mencapai tahap berimpak tinggi, jaringan industri serta kolaborasi antarabangsa .

"Pencapaian ini semakin mengukuhkan kedudukan UPSI sebagai universiti

pendidikan terkemuka di Malaysia dan dunia malah menjadi pengiktirafan terhadap bidang pendidikan kita di peringkat antarabangsa," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Aspirasi UPSI 2026 di Dewan Tuanku Canselor, di sini.

Dalam pada itu, Md Amin berkata, kejayaan itu dicapai atas keberkesanan terapan konsep BITARA (Bijak Tanpa Tara) iaitu Bakat Unggul (B), Inovasi dan Penyelidikan (I), Transformasi Teknologi (T), Adab, Akhlak, Akademik (A), Revolusi Ekosistem(R) dan Adaptasi Global (A).

"Penarafan ini membuktikan keupayaan UPSI memenuhi kriteria utama mencakupi pengajaran serta menepati aspek kualiti persekitaran pembelajaran dan persekitaran penyelidikan yang

dinilai aspek jumlah, pendapatan termasuk reputasi dalam penyelidikan.

"Saya juga sangat menghargai pengorbanan dan sokongan akademia serta kakitangan pentadbiran yang merancang dan melaksanakan pelbagai strategi dalam bidang pendidikan digital yang efektif mengikut perkembangan semasa.

"Selain itu, pencapaian ini selaras dengan fokus utama dalam bidang pendidikan, menjadikan UPSI melonjak sebagai institusi pengajian tinggi yang melahirkan pendidik berkualiti tinggi untuk berkhidmat di seluruh negara," ujarnya.

Katanya, kejayaan tersebut selaras dengan seruan Menteri Pendidikan Tinggi untuk mengangkat nama negara dalam pendidikan tinggi Malaysia menjelang tahun 2030.

